

SEJAUHMANA LATARBELAKANG SOSIO  
EKONOMI KELUARGA MEMPENGARUHI  
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR  
(TUMPUAN KEPADA PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN AMBROSE,  
AYER TAWAR, PERAK)

OLEH :

NAAIMAH BT. HAJI OSMAN  
( 96043999 )

NOORHASLINA BT. ABDUL HADI  
( 96044638 )

KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN KEPADA  
KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN  
PERAK SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT DALAM MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

KAJIAN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
SERI MANJUNG  
2000

## PENGHARGAAN

*Bis millahirrahmanir rahim,*

Alhamdullillah, syukur kehadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan rahmatNYA membolehkan hambaNYA berjaya menyiapkan kertas projek yang merupakan syarat kepada kami untuk menamatkan kursus Diploma Pentadbiran Awam. Walaupun kami menghadapi berbagai masalah dan rintangan, namun dengan penuh kesabaran kami telah berjaya mengharunginya dengan izin Allah yang Maha Mengasihani.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami kepada pensyarah matapelajaran PAD 355 ini, Profesor Madya Mohd. Fauzi bin Mohd. Harun yang telah membimbang dan menasihati kami dalam penyediaan dan perlaksanaan kertas projek ini. Dengan kata-kata semangat yang diberikan telah mendorong kami untuk membuat yang terbaik sebagai menghargai sumbangan dan tunjukajarnya.

Kami juga mengambil kesempatan disini merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan kerjasama dan sokongan di sepanjang usaha kami untuk menyiapkan kajian ini terutama kepada Pengetua dan Guru Penolong Kanan Sekolah Menengah Ambrose, Ayer Tawar (SMAAT) dan murid-murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang memberi kerjasama sepenuhnya dalam mengisi borang soal selidik bagi menjayakan kajian kami mengenai “Sejauhmana Latarbelakang Sosio Ekonomi Keluarga Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar” yang bertumpu kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ambrose, Ayer

## SINOPSIS

Pelajar adalah aset kepada sesebuah negara dan bakal pewaris negara di masa akan datang. Dalam melangkah era globalisasi, kecemerlangan dalam akademik menjanjikan suatu pasport bagi meraih kesenangan di hari hadapan. Namun, dalam menuju ke arah kecemerlangan, banyak duri rintangan yang terpaksa dihadapi. Sosio ekonomi keluarga dilihat sebagai salah satu faktor utama yang dihadapi oleh pelajar dalam mengejar kecemerlangan akademik. Ketidakmampuan keluarga menyediakan prasarana rumah yang sesuai bagi tujuan pembelajaran di rumah dan kemampuan ekonomi yang terhad sedikit sebanyak mengganggu penumpuan pelajar terhadap akademik. Kajian ini yang meliputi pendapatan dan tanggungan selain aspek-aspek lain dapat menggambarkan pola perbelanjaan sesebuah keluarga yang memperlihatkan bagaimana agihan perbelanjaan dan komitmen terhadap pendidikan anak. Faktor jarak kediaman pelajar dengan sekolah dan kebenaran kewujudan fenomena pekerja bawah umur terdiri daripada pelajar sekolah mempunyai hubungan dengan ketidakmampuan ekonomi keluarga dan implikasi yang diterima oleh pelajar turut diselidiki. Bagi mengukur kecemerlangan seseorang pelajar, penilaian kajian adalah menyeluruh meliputi pencapaian dalam kurikulum dan kokurikulum di samping faktor-faktor lain yang boleh mengganggu kelancaran proses pembelajaran. Pencapaian dilihat melalui keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang telah diduduki di samping penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sekolah yang lain. Walaupun faktor sosio ekonomi yang dianggap sebagai hanya penyumbang peratusan kecil kepada kegagalan kecemerlangan akademik pelajar namun ia dilihat mampu menjadi penghalang kepada usaha pelajar mengeksplorasi potensi untuk menyerlah.

## Halaman

**KANDUNGAN****HALAMAN JUDUL**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS (BAHASA MELAYU)	v
SYNOPSIS (BAHASA INGGERIS)	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI CARTA	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

**BAB I : PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan dan Pernyataan Masalah	1
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Metodologi	4
1.4	Hipotesis	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Sekatan dan Permasalahan	9
1.8	Organisasi Kajian	10

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan dan Pernyataan Masalah

Abad ke 21 merupakan satu era yang menjanjikan cabaran dan persaingan Malaysia di arena antarabangsa. Menyedari hakikat ini, cetusan idea mengarapkan wawasan ke arah satu kecemerlangan di masa hadapan. Wawasan 2020 adalah satu wawasan yang lahir bagi penyediaan negara dalam menghadapi cabaran mendatang. Ia sebagai sesuatu yang dirangka bagi menyediakan masyarakat Malaysia untuk bergerak seiring kearah satu kemajuan serta strategi bagi menghadapi cabaran yang menjanjikan seribu kemungkinan. Wawasan yang berintipatikan untuk membawa Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020 dari pelbagai segi yang menyeluruh menurut acuan sendiri. Maju yang diertikan disini adalah maju dari segi ekonomi, politik, sosial dan yang penting masih mementingkan nilai-nilai dan mutu kehidupan.

Sehubungan dengan itu, pendidikan adalah merupakan satu cabang yang utama bagi merealisasikan matlamat dan harapan tersebut. Ini adalah kerana pendidikan adalah